

Model Pengajaran Menurut Pandangan Ibn Khaldun



Secara umumnya, istilah pengajaran boleh difahami sebagai suatu proses pemindahan nilai, ilmu dan kemahiran daripada satu generasi kepada generasi seterusnya bagi memastikan kemandirian atau penerusan sesuatu budaya.

Maksud lain bagi pengajaran juga ialah keupayaan guru menyampaikan konsep dan kemahiran untuk mudah difahami, diingati dan menyeronokkan murid. Jika diteliti berkaitan dengan aspek keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pula, hal ini tidak hanya bergantung pada ketokohan, keilmuan, keperibadian dan kematangan seseorang guru, tetapi juga bergantung pada kebijaksanaan guru tersebut mengenali murid secara

mendalam seperti mengetahui latar belakang murid, keluarga, aspek mental, fizikal, budaya dan kecenderungan murid.

Terdapat beberapa aspek penting yang perlu ada untuk membentuk keberkesanan pengajaran seseorang guru. Antaranya termasuklah personaliti, kemahiran, isi kandungan pelajaran yang hendak diajar dan strategi pengajaran yang digunakan bagi menyampaikan ilmu tersebut. Sarjana Islam, al-Syaibani berpandangan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik dapat membantu murid memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran serta mengubah sikap dan tingkah laku, menanam minat dan nilai murni yang diinginkan.

Menurut Ibn Khaldun berdasarkan kitab karangannya *al-Muqaddimah*, beliau mengelaskan pengetahuan kepada dua bahagian, iaitu pengetahuan *naqli* dan *aqli*. Ibn Khaldun juga menyatakan bahawa tugas mengajar merupakan satu seni kerana

terdapat unsur kemahiran dan seorang guru mesti menguasai pengetahuan isi kandungan dengan mantap. Di samping itu, beliau turut berpendapat perlunya ada dua prinsip utama dalam pengajaran, iaitu budaya menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Beliau juga telah memperkenalkan model pengajaran kepada dua, iaitu model *malakah* dan model *tadrij*.

Model pengajaran *malakah*

Secara ringkas berhubung dengan model *malakah*, Ibn Khaldun menyatakan bahawa ilmu dianggap sebagai *malakah* atau kemahiran dan kecekapan yang mendalam dalam diri seseorang terhadap sesuatu ilmu sehingga menjadi tabiat baginya. Menurut beliau, *malakah* ini berlaku apabila seseorang guru membuat latihan menggunakan fikiran dan percakapan tentang ilmu dengan perbincangan serta pertukaran pendapat dan maklumat. Cara yang paling mudah untuk


Guru disarankan mengulang-ulang rumusan isi kandungan pengajaran yang diajar sebanyak tiga kali bertujuan agar tidak timbul kekaburan, kekeliruan dan salah faham pengajaran yang disampaikan kepada murid. Beliau juga berpendapat bahawa kesan daripada pengajaran yang mengelirukan atau kesamaran menyebabkan murid tidak faham, pemikiran bercelaru, tiada inisiatif, putus asa, menyisihkan dan menjauhkan diri daripada ilmu yang dipelajari.

memperoleh *malakah* ialah melalui perbincangan dan mengungkapkan buah fikiran yang jelas dengan berdiskusi atau perdebatan berkaitan masalah ilmiah. Bertitik tolak dari anggapan tersebut, Ibn Khaldun menyatakan bahawa pendidikan merupakan keupayaan perubahan potensi (*al-taqat al-quswa*) bagi seseorang guru.

Beliau menegaskan lagi bahawa *malakah* mampu dikuasai oleh seseorang yang gigih mendalami sesuatu ilmu atau kemahiran yang tertentu. *Malakah* dapat diertikan sebagai wawasan (*insight*) yang berasaskan kepada kecenderungan kognitif, tetapi *malakah* bukan hanya mengandungi unsur-unsur kognitif, tetapi juga mencakupi efektif dan psikomotor (*malakah al-ilm, malakah al-iman dan malakah al-sina'ah*). Menurut Ibn Khaldun lagi, tingkah laku yang baik dalam kaedah pengajaran guru akan dapat memperluas dan memperdalam kognitif dan intelek murid. Oleh sebab itu, Ibn Khaldun membezakan antara kefahaman dengan hafalan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kefahaman terhadap ilmu akan mempengaruhi jiwa murid dan menggerakkannya untuk mendapatkan kebijaksanaan atau kemahiran yang lain. Pemahaman dan hafalan pula merupakan cara mendapatkan *malakah*, latihan pula menjadi syarat mencapai *malakah*, manakala belajar dan berlatih secara berterusan merupakan pengukuhan dan pematapan kepada *malakah*. Model *malakah* ini merupakan model asas dalam pemikiran pedagogi Ibn Khaldun.

Model Pengajaran *Tadrij*

Bagi model pengajaran bertahap (*tadrij*), Ibn Khaldun berpendapat bahawa pengajaran yang berkesan ialah pembelajaran yang sesuai dengan tahap kemampuan akal murid. Pengajaran guru disarankan menggunakan pengajaran secara tahap demi tahap mengikut urutan dari set induksi hinggalah rumusan pengajaran. Menurut Ibn Khaldun, model *tadrij* ini adalah untuk mengelakkan perasaan jemu dalam kalangan murid kerana mengajar dengan banyak sekali gus. Model ini juga menjelaskan bahawa pada akhir pengajaran, guru hendaklah mengulang-ulang isi kandungan pelajaran sebanyak tiga kali. Hal ini kerana pengajaran secara pengulangan dan pembiasaan mempunyai impak berkesan kepada murid. Yang berikut merupakan rajah model pengajaran *tadrij* Ibn Khaldun:



Model pengajaran *tadrij* Ibn Khaldun.

Berdasarkan model pengajaran *tadrij* pada peringkat pertama, dalam menyampaikan pengetahuan kepada murid, guru hendaklah memahami dan memerhatikan kemampuan akal murid. Tahap ini juga dinamakan tahap permulaan. Pada tahap ini, ilmu diberikan secara sederhana, iaitu belum terperinci. Murid diajarkan masalah yang dianggap utama bagi tiap-tiap bab. Bagi tahap kedua, setelah masalah yang umum daripada pengetahuan tadi dikongsikan kepada murid, guru seterusnya membahaskan secara lebih dalam dan terperinci. Pada tahap ini, guru mengulang kembali pelajaran dari awal bab. Huraian diperluas dan diperincikan serta perbezaan pendapat dibincangkan. Pada langkah terakhir, guru menyampaikan pengetahuan kepada murid secara lebih mendalam dan menyeluruh dalam usaha membahaskan semua persoalan agar murid memperoleh kefahaman yang sempurna.

Di samping itu, guru hendaklah membantu murid mengulangi ilmu tersebut dengan memberikan ulasan dan penjelasan secara menyeluruh. Pada peringkat ini, guru sudah boleh membahaskan ilmu secara terbuka kepada murid dan membuat perbincangan

secara berasas. Apa-apa sahaja permasalahan yang ditimbulkan pada peringkat awal pengajaran bolehlah diperjelaskan pada peringkat ini. Model pengajaran ini juga jika diteliti berdasarkan panduan daripada al-Quran, iaitu beransur-ansur dan bertahap. Pendekatan yang digunakan oleh al-Quran telah diperakukan sebagai satu daripada pendekatan agama oleh sarjana dalam bidang pendidikan nilai dan moral. Ibn Khaldun juga menekankan tentang kepentingan pemupukan nilai mulia dalam sistem pendidikan. Di samping itu, beliau juga menyarankan agar guru menggunakan pelbagai strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan strategi yang sesuai diharapkan dapat membantu mengembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu.

Ibn Khaldun juga menyarankan agar guru menyampaikan penilaian dan rumusan pengajaran secara menyeluruh berdasarkan objektif pengajaran. Di samping itu, guru juga disarankan agar menjelaskan aspek yang mengelirukan dan kurang jelas. Pertanyaan dan soalan perlu dikemukakan kepada murid supaya guru dapat menilai kefahaman mereka. Guru disarankan mengulang-ulang rumusan isi kandungan pengajaran yang diajar sebanyak tiga kali bertujuan agar tidak timbul kekaburan, kekeliruan dan salah faham pengajaran yang disampaikan kepada murid. Beliau juga

berpendapat bahawa kesan daripada pengajaran yang mengelirukan atau kesamaran menyebabkan murid tidak faham, pemikiran bercelaru, tiada inisiatif, putus asa, menysihkan dan menjauhkan diri daripada ilmu yang dipelajari. Dengan demikian, peranan guru dalam pengajaran dan pembelajaran menurut pandangan Ibn Khaldun sangat penting kerana hal tersebut menentukan pencapaian murid, kesan psikologi dan motivasi dalam pelajaran.

Bagi aspek jadual pengajaran pula, Ibn Khaldun berpandangan bahawa pengajaran yang berkesan ialah pengajaran yang disampaikan secara berterusan dan tidak ditinggalkan dalam tempoh waktu yang terlalu lama kerana ha ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap murid. Besar kemungkinan murid sudah lupa pelajaran yang dipelajari dan tiada kesinambungan antara tajuk-tajuk lepas yang pernah diajar. Dengan demikian, penjadualan yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran perlulah diatur dalam tempoh waktu yang sesuai.

Jelaslah bahawa seseorang guru yang berkualiti sangat penting dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana guru berautoriti merancang dan mengolah sesi pengajaran yang terbaik dengan membuat keputusan memilih kaedah yang sesuai dengan isi kandungan pelajaran serta mengambil kira kemampuan murid. Perkara ini juga sejajar dengan strategi pengajaran

Rasulullah SAW yang memilih masa, situasi, peristiwa tertentu (*mauqif ta'limi*), kesediaan para sahabat, pendekatan yang sesuai, menilai kemampuan fikiran para sahabat ketika menyampaikan dan mengolah kandungan pengajaran dan mencapai matlamat pengajaran sesuai konteks dan keperluan murid mereka. Diharapkan seseorang guru sama ada guru di sekolah mahupun ibu bapa yang juga memainkan watak sebagai guru di rumah, sentiasa mempelajari ilmu dan menambah baik kaedah penyampaian ilmu kepada murid atau anak-anak agar generasi masa hadapan terdidik dengan nilai yang baik, kemahiran yang pelbagai dan ilmu yang sesuai dengan zamannya. 🕌

Nota kata-kata hikmah

Berfikirilah tentang kejayaan anda, tentang hasil pekerjaan anda dan tentang kebaikan apa-apa yang telah anda baktikan kepada orang lain, kemudian bergembiralah dengan itu semua dan bersyukurlah kepada Allah SWT.

Sesungguhnya cara ini dapat melapangkan dada anda.

(Dr. 'Aid bin Abdullah al-Qarni)